



PETA & LALUAN YANG DISARANKAN

PASIR RIS

JEJAK WARISAN

Jejak Warisan Pasir Ris ialah sebahagian usaha berterusan oleh Lembaga Warisan Negara bagi merakam dan mempersembah sejarah dan kenangan sosial tempat-tempat di Singapura. Kami harap jejak ini akan mengembalikan kenangan manis bagi mereka yang telah bekerja, menetap atau bermain di kawasan ini, dan menjadi sumber maklumat yang berguna bagi pelawat dan penduduk baru.



Disokong oleh



Pantai Pasir Ris, 1958
Koleksi Kementerian Penerangan dan Kesenian, dengan Ihsan Arkib Negara Singapura

LALUAN JEJAK PENDEK YANG DISARANKAN

Sekitaran pantai Pasir Ris telah membentuk cara orang hidup, bekerja dan bermain di sini berabad lamanya. Melalui tiga jejak bertema yang direka khas oleh Lembaga Warisan Negara, anda boleh mengesan evolusi kehidupan pesisir di Pasir Ris, dan menemui reka bentuk dan seni bina yang terbaik tersembunyi di sebalik pemandangan biasa di bandar tepi laut ini.

Warisan Pantai (1 jam berjalan kaki; 0.5 jam berbasikal)


Dibangunkan pada tahun 1980-an, Bandar Pasir Ris mengekalkan ciri-ciri masa silam kawasan ini, termasuk rasanya bak tempat peranginan dan warisan memancing dan pantainya. Sebuah hutan bakau dalam Taman Pasir Ris juga mengekalkan pertalian kehidupan kepada masa lampau, ketika kayu bakau menjadi sumber penting bagi para penduduk. Jejak ini membawa anda ke tapak-tapak yang begitu penting dari segi warisan sepanjang pantai dan pesisir Pasir Ris.



Mulakan perjalanan anda di **Taman Pasir Ris** (berdekatan dengan Tempat Letak Kereta B), yang dibangunkan oleh bekas Jabatan Taman dan Riadah (kini Lembaga Taman Negara) pada 1980-an. Lebih daripada setengah kawasan taman seluas 70 hektar ditambak daripada paya bakau, lumpur dan jalan air, dan pinggir lautnya yang panjang terbentang dari Pantai Pasir Ris ke Sungei Loyang.



Pergi ke **Hutan Bakau** seluas enam hektar, yang menjadi peringatan kepada Pasir Ris masa silam sebelum dibangunkan. Berjalan di sepanjang pelantar laluan kayu bagi mengetahui tentang spesies bakau yang pernah meliputi kawasan pantai, seperti pokok Teruntum Merah dan Pohon Nipah, sumber buah kabung dan gula melaka. Anda juga akan menemui menara pemerhati burung, yang menyediakan tempat amat baik bagi meneliti kehidupan liar di sini. Jika anda mempunyai sepasang teropong, anda mungkin dapat melihat Burung Pucung Kelabu, memerang atau malah buaya muara sesekali!



Selepas meninggalkan hutan ini, pergi ke arah **Pantai Pasir Ris**. Di kawasan inilah pernah terletak bekas banglo percutian ahli perniagaan Yahudi Joseph Elias. Banglo Elias merupakan salah satu kediaman yang banyak didirikan di Pasir Ris oleh keluarga-keluarga kaya dari awal kurun ke-20. Pada 1952, banglo Elias dibangunkan semula menjadi Hotel Pasir Ris, yang beroperasi hingga 1983. Pada masa itu, kemudahan seperti tempat duduk, tempat berlindung dan barbeku juga dipasang di pantai untuk kegunaan awam. Hari ini, berenang, berkayak dan melepak di pantai kekal sebagai kegiatan kegemaran ramai.

Selepas menjejakkan kaki anda ke dalam pasir putih Pantai Pasir Ris, jalan bersiar-siar lebih jauh ke dalam taman dan seberangi jambatan yang merentasi **Sungei Api Api**. Anak sungai ini ialah salah satu daripada dua sungai yang mengalir melalui taman ini, dan nama Api Api berasal daripada nama setempat bagi bakau jenis *Avicennia*, yang pernah terdapat dengan banyaknya di kawasan ini.

Sedang anda terus berjalan di laluan ini, pandang ke arah laut dan lihat sejumlah **kelong**, atau struktur penangkapan ikan, serta **ladang ternakan ikan**. Sebelum kelong diperkenalkan di Singapura pada awal 1800-an, memancing dengan tombak merupakan cara memancing yang utama di pulau ini. Sewaktu zaman kampung, kelong dibina menggunakan kayu bakau yang diperolehi daripada pokok bakau di kawasan seperti Pasir Ris.

Seterusnya, bergerak lalu di bekas **Flat Percutian Persatuan Rakyat (PA)**. Siap dibina pada 1973, kemudahan percutian ini membolehkan rakyat Singapura menyewa chalet pada harga berpatutan. Pada 1980-an, ia adalah antara kemudahan percutian kendalian PA yang paling digemari, termasuk flat dan kem di Punggol dan Pulau St. John's. Anda juga boleh melihat **Taman Permainan Gajah** yang kini ikonik dalam kelompok chalet yang berjiran. Tidak jauh selepas Flat Percutian itu ialah **PAssion WaVe @ Pasir Ris**, kelab masyarakat khusus yang menawarkan sukan air seperti berlayar 'dinghy' dan berkayak.



Akhir sekali, berjalan ke **Taman Permainan Pengembaraan**, tempat anda boleh berehat-rehat dengan menikmati kemudahan bermain di antara taman permainan terbesar di Singapura, atau menyaksikan kanak-kanak seronok bermain memanjat jaring udara raksasa atau menaiki buaian. Walaupun jejak ini berakhir di sini, anda boleh terus meneroka bandar ini dengan menyertai jejak **Play @ Pasir Ris**.

Play @ Pasir Ris (1 jam berjalan kaki)

Pasir Ris telah mendapat nama baik sebagai sebuah tempat bermain dan beriadah sejak kurun ke-19, dan keturunan selanjutnya terus menikmati pelbagai bentuk riadah di sini. Jejak ini membawa anda melalui tapak-tapak riadah di Pasir Ris, seperti salah sebuah taman permainan terbesar di Singapura dan satu-satunya kolam memancing air asin komersial di negara ini.



Mulakan di **Taman Permainan Pengembaraan** yang dibuka pada 1986. Kompleks permainan ini ialah antara taman permainan terbesar di Singapura, dan menampilkan peralatan dan kemudahan yang direka bagi merangsang daya khayalan. Ini termasuk piramid jaringan tali setinggi tujuh meter, laluan berkabel, stesen-stesen permainan bertema dan ruang berpasir besar yang mengingatkan kembali kuari pasir yang banyak terdapat di kawasan ini pada masa lampau.

Hari ini, kemudahan ini amat terkenal di kalangan pemancing sebagai tempat menangkap ikan laut, udang dan ketam.



Dari kompleks permainan moden ini, naiki bas ke arah Elias Mall. Di sebelah Elias Mall terdapat sebuah taman permainan 1980-an yang dibina oleh Lembaga Perumahan & Pembangunan (HDB), yang terkenal dengan nama **Taman Permainan Bumboot**. Ini antara taman permainan siri mozek HDB, yang terkenal dengan jubin terazo, garisan geometrik dan reka bentuk berdasarkan budaya, haiwan, perniagaan dan makanan Asia. Tarikan utama taman permainan ini ialah **bumboot** atau **twakow**, sebuah bot berciri tersendiri dengan warna utama merah-hijau-putih dan bentuk mata dicat pada busurnya yang digunakan untuk mengangkut barangan.



Dari Elias Mall, berjalan ke arah timur di Pasir Ris Drive 3 ke **Taman Bandar Pasir Ris**. Di sini, anda boleh mencuba kebolehan anda memancing di satu-satunya kolam memancing air masin di Singapura, yang ditubuhkan pada 1989. Kolam besarnya sebelum ini merupakan antara tarikan utama di bekas Resort Percutian Golden Palace, yang dikendalikan dari 1967 hingga awal 1970-an.



Taman Bandar ini juga merangkumi sebuah pusat sukan dengan kolam renang, taman permainan dan kebun, serta **Pusat Penjaja Pasir Ris**, yang dibuka pada 2018 dan merupakan satu-satunya pusat penjaja di bandar ini. Legakan diri di pusat penjaja ini dengan mendapatkan minuman dan mencuba juadah istimewa yang menjadikan pusat ini dikenali ramai. Jika anda inginkan lebih banyak penerokaan, sila teruskan di jejak selanjutnya!



Pilihan: Jika anda rasa ingin menikmati lebih banyak riadah, pergi ke **Downtown East**, sebuah kompleks riadah yang ditubuhkan pada 1988 dan dibayangkan sebagai sebuah "kelab desa bagi pekerja". Diilhamkan daripada kem-kem percutian Butlins yang popular di United Kingdom apabila ia difikirkan buat kali pertama pada 1970-an, kompleks ini telah berkembang dan merangkumi chalet, pelbagai kemudahan riadah, bekas Taman Bertema Escape dan taman air Wild Wild Wet yang ada hari ini.

Sorotan Seni Bina (1.5 jam berjalan kaki)

Pasir Ris menjadi wadah gaya dan unsur seni bina yang unik, kebanyakannya diilhamkan daripada warisan pantai bandar ini. Jejak ini meneroka sekitar yang dibangunkan di Bandar Pasir Ris, daripada blok-blok perumahan awam bertemakan kelautan kepada pelbagai jenis institusi budaya dan keagamaan.



Dari **Taman Bandar Pasir Ris**, berjalan ke arah jambatan yang merentangi Sungei Tampines dan gunakan lorong jalan kaki ke arah Pasir Ris Drive 1. **Flat-flat menghadap sungai** di bahagian ini dan juga di Sungei Api Api dibina pada 1980-an apabila HDB sedang cuba mempelbagaikan reka bentuk perumahan awam. Di sini, blok-blok rendah dengan reka bentuk bumbung curam diselang-selikan dengan blok-blok lebih tinggi untuk menghasilkan pemandangan yang indah di sepanjang sungai. Bagi menyesuaikan dengan sekitar semula jadi, lorong jalan kaki di sepanjang sungai dihiasi dengan pokok kelapa, tempat duduk tepi sungai dan pelantar menikmati pemandangan.

"Masjid Biru" di Istanbul. Ia memperoleh namanya daripada kekata Arab *istighfar*, iaitu konsep Islam berupa mendapatkan taubat daripada Tuhan. Al-Istighfar menampilkan dua kubah biru berbentuk bawang, dengan kubah lebih besar mempunyai bulan sabit dan bintang di puncaknya, dan kubah lebih kecil terletak di atas menara.



Seberang di lampu isyarat trafik apabila anda tiba di Pasir Ris Drive 1, dan berjalan ke arah timur ke Pasir Ris Street 11. Berjalan secara santai di jalan ini dan perhatikan reka bentuk perumahan yang unik di sini. Ia menampilkan corak kelautan menyerupai **tingkap magun kapal** (Blok 130-137) dan juga **muka bangunan berbentuk rumah api** (Blok 138-146).



Di simpang Pasir Ris Street 11 dengan Street 12, berjalan ke arah timur laut di Street 12 hingga anda tiba di Pasir Ris Drive 4. Di penghujung jalan anda akan mendapati **Sakya Tenphel Ling**, kuil Buddha Tibet yang pertama di Asia Tenggara. Kuil ini menuruti aliran Sakya daripada agama Buddha Tibet dan sebagai pusat serantau Sakya, ia sering dikunjungi oleh sami-sami dari China, Indonesia, Vietnam dan negara lain. Skema lima warna dan unsur-unsur hiasannya, yang dicat oleh sami-sami pemastautin, didasarkan pada teori warna Buddha Tibet dengan setiap warna melambangkan Buddha tertentu.



Dari Sakya Tenphel Ling, berjalan ke arah timur melalui blok-blok HDB ke Pasir Ris Drive 3, tempat anda akan mendapati **Masjid Al-Istighfar**. Ditubuhkan pada 1999, Masjid Al-Istighfar mendapatkan ilham reka bentuknya daripada Masjid Sultan Ahmed dari kurun ke-17, yang lebih dikenali sebagai

Pilihan: Jika anda ingin meneroka lebih lanjut, pergi ke koridor hijau yang selari dengan Sungei Api Api antara Pasir Ris Drive 1 dan 3. Estet perumahan di sini yang pernah memenangi anugerah menjadi contoh bagaimana sekitaran binaan dan semula jadi boleh disepadukan. Di sini, anda akan dapat menikmati pelbagai jenis bunga, pokok dan kehidupan haiwan yang disokong oleh hutan bakau yang bersempadankan dengan Sungei Api Api, yang dipelihara oleh Lembaga Taman Negara bagi mencipta semula habitat asli bakau di kawasan itu. Penyelesaian kejuruteraan dan pemulihan alam sekitar yang digunakan di sini membantu membuka jalan bagi projek-projek seperti Punggol Waterway dan program Air Aktif Cantik Bersih (ABC).



Coastal Heritage	Play @ Pasir Ris	Architectural Highlights
	Extended Trail	Extended Trail

HERITAGE SITES IN THE SUGGESTED SHORT TRAIL ROUTES



All information contained in this trail map is provided in good faith, and every reasonable effort has been made to ensure that the information is accurate and up to date at time of print. Accordingly, NHB makes no warranty or representation relating to the trail map and all information contained therein, and users relying on any of the information contained in the trail map shall do so at their own risk and diligence.

© 2019 National Heritage Board. All rights reserved.